

Isu pendaftaran anak tidak sah taraf dibincang

Archival News | Utusan Malaysia | 16/04/2003 | Author: NOR AZIAH JAAFAR

KUALA LUMPUR 15 April _ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil akan berbincang dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi mencari jalan penyelesaian terbaik mengatasi masalah pendaftaran anak tidak sah taraf.

Menurut beliau, JPN telah menawarkan beberapa jalan penyelesaian termasuk mewajibkan pendaftaran semua anak yang baru lahir, namun sebarang langkah yang diambil perlu dilakukan secara bersepadu demi kepentingan anak-anak tersebut.

Menurut beliau, kementerian itu memandang berat masalah tersebut dan akan berusaha mendapatkan pembelaan untuk mereka sehingga berjaya memperoleh sijil kelahiran.

"Walaupun perkara ini adalah di bawah kuasa JPN tetapi saya akan berjumpa dengan Ketua Pengarahnya, Datuk Azizan Ayob untuk membincangkan perkara ini," katanya kepada pemberita selepas meraikan 37 pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2002 dari kawasan Lembah Pantai di Restoran Berputar, Menara Kuala Lumpur, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas langkah kementerianya bagi membela nasib golongan kanak-kanak tersebut.

Menurut Shahrizat, pada masa ini, golongan wanita yang tidak berkahwin takut untuk mendaftarkan anak tidak sah taraf kerana tidak mempunyai sijil nikah.

Katanya, kegagalan berbuat demikian menyebabkan kanak-kanak terlibat tidak dapat disekolahkan kerana tidak mempunyai sijil kelahiran.

Terdahulu, Shahrizat melahirkan rasa bangga dengan pencapaian keseluruhan SPM pelajar-pelajar di kawasan Lembah Pantai yang meningkat setiap tahun.

Lebih menggemirakan katanya, kebanyakan pelajar cemerlang terdiri daripada pelajar yang tinggal di kawasan setinggan.

"Semua sekolah di kawasan Lembah Pantai mempunyai kemudahan yang lengkap dan apa yang perlu dilakukan oleh pelajar ialah berusaha untuk memperoleh kecemerlangan," jelasnya.

Beliau yang juga ahli Parlimen kawasan itu bersedia membantu sekolah yang memerlukan kemudahan tambahan terutama komputer demi meningkatkan mutu pembelajaran pelajar.

Sebanyak 37 pelajar yang diraikan itu adalah dari empat buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bangsar, SMK Sri Pantai, SMK Bukit Bandaraya dan SMK Petaling.

Seorang daripada pelajar itu memperoleh 11A, 10A (dua orang), 9A (tiga orang), 8A (lima orang), 7A (lima orang), 6A (lapan orang) dan 5A (13 orang).

Kesemua mereka menerima wang tunai RM200 setiap seorang serta sijil penghargaan daripada Shahrizat.

(Source : Utusan Malaysia)